

# SEJARAH AMALAN SIHIR DI ZAMAN PARA NABI MENURUT SUMBER TAFSIR DAN HADITH

Oleh:

Aizan Hj. Ali @ Mat Zin \*

Mohd Yakub @ Zulkifli Hj Mohd Yusoff \*\*

## Abstrak

*This concise article deals with the history of black magic according to the Islamic sources, especially al-Qur'an and the Prophet's Traditions (Hadith). The Qur'anic interpretations were based on mufasssirin exegesis. By scrutinising the exegesis, it was clear that this practise was rooted from the two sinned angels who were sent to this world. Furthermore the stories extracted from the Qur'anic source will differentiate between black magic and mukjizat which was given by Allah s.w.t to the selected Prophets.*

## PENGENALAN

Perkataan 'sihir' diambil daripada kalimah Arab iaitu *sahara* yang mempunyai beberapa erti. *Kamus Dewan* mendefinisikan 'ilmu sihir' sebagai sejenis ilmu ghaib yang meliputi guna-guna, pukau,<sup>1</sup> tuju, mantera dan lain-lain yang boleh menyakiti dan mempesona orang. *Black magic* merupakan perkataan bahasa Inggeris yang seerti dengan 'sihir'. *Kamus Oxford* mendefinisikannya sebagai ilmu sihir yang melibatkan bacaan jampi mentera untuk memanggil semangat jahat.<sup>2</sup> Selain daripada kamus, makna dan pengertian sihir juga boleh diperolehi daripada kitab-kitab tafsir dan hadith. Terdapat tiga definisi sihir sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani seperti berikut:<sup>3</sup>

---

\* Pensyarah Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Profesor Madya di Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>1</sup> Teuku Iskandar (1986), *Kamus Dewan*, cet. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1202.

<sup>2</sup> Della Thompson (ed.) (1995), *The Concise Oxford Dictionary*, 9th Edition, USA: Oxford University Press, h. 133.

<sup>3</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (2000), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*, jil. 10, Riyadh: Dār al-Salām, h. 273.

- i) Bayangan dan khayalan ataupun gambaran yang hakikatnya tidak wujud sama sekali.
- ii) Sesuatu yang dihasilkan oleh ahli sihir dengan pertolongan atau bantuan jin, setelah ahli sihir tersebut memenuhi kehendak syaitan atau menyembah, merendah diri atau menyediakan jamuan yang disyaratkan oleh syaitan.
- iii) Sesuatu yang tersembunyi tempat pengambilannya. Perkataan ini juga bererti setiap perkara yang tersembunyi puncaknya dan tergambar bayangan atau khayalan sesuatu yang tidak wujud sebenarnya.

Al-Baydāwī mentakrifkan sihir sebagai sesuatu yang dihasilkan dengan cara mendekati syaitan.<sup>4</sup> Manakala al-Alūsī pula berpendapat bahawa perkataan "*al-sihr*" adalah kata terbitan daripada kata kerja '*sahara*'. Ia bermaksud apabila nyata apa yang tersembunyi. Sihir adalah perkara ajaib, tetapi bukan mukjizat kerana ia boleh dipelajari dan diperolehi menerusi bantuan syaitan. Selain daripada itu, ia merupakan hasil amalan bertaqarrub kepada jin atau lebih umumnya syaitan. *Taqarrub* ini terhasil melalui tiga cara:<sup>5</sup>

- i) Perkataan - seperti jampi yang mengandungi unsur-unsur syirik serta memuji-muji syaitan kerana pertolongannya.
- ii) Perbuatan - seperti menyembah cakerawala, sentiasa melakukan dosa dan kefasikan.
- iii) Iktikad - seperti menganggap baik amalan yang dilakukan untuk mendekati syaitan dan mengasihinya.

Ilmu sihir dikatakan wujud di dalam sejarah umat manusia sejak zaman dahulu kala lagi. Fenomena ini bukan sekadar fobia atau fantasia, tetapi ia merupakan satu realiti dalam kehidupan manusia sejagat. Malah Allah SWT telah berfirman di dalam kitab suciNya al-Quran tentang beberapa kisah sihir terutamanya yang berlaku pada zaman Nabi Musa a.s. Ia boleh diteliti dan difahami melalui surah al-Baqarah, Yunus, Taha dan al-A'raf. Begitu juga dengan hadis-hadis Rasulullah s.'a.w. yang telah diriwayatkan oleh para sahabat tentang kisah baginda Rasulullah s.'a.w. terkena sihir. Di samping itu, mereka turut meriwayatkan panduan untuk umat Islam mengatasi masalah tersebut dan juga melindungi diri daripada terkena sihir. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya menumpukan perbincangan mengenai sejarah amalan sihir pada zaman Nabi Sulaiman a.s., Nabi Musa a.s. dan Nabi Muhammad s.'a.w. berdasarkan sumber kitab-kitab tafsir dan al-Hadith yang ada.

<sup>4</sup> Al-Baydāwī, (1968), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, cet. 2, juz. 1, Kaherah: Mustafa al-Bābī al-Halabī, h. 73.

<sup>5</sup> Al-Alūsī, Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd (1994), *Rūḥ al-Ma'ānī*, juz. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 534.

## SUMBER ASAL-USUL SIHIR

Al-Quran merupakan kitab rujukan utama umat Islam dalam apa jua bidang sama ada bidang keagamaan ataupun sains. Surah al-Baqarah, ayat 102 menceritakan bahawa amalan sihir ini lahir di dalam sejarah umat manusia apabila dua malaikat iaitu Harut dan Marut mengajar ilmu sihir kepada manusia. Peristiwa ini berlaku ketika Harut dan Marut diturunkan ke bumi oleh Allah SWT untuk diuji keimanan mereka setelah mereka dibekalkan dengan nafsu syahwat. Walau bagaimanapun, para *mufasssirun* (ahli tafsir) mempunyai pendapat yang pelbagai dalam mentafsirkan kisah Harut dan Marut dan ia bergantung kepada sumber rujukan mereka di dalam mentafsirkan kisah di sebalik firman Allah SWT berikut:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطَانُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيْطَانَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ بِبَابِلَ هَرُوتَ وَمَرُوتَ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ

Maksudnya:

*“Mereka (membelakangkan kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintah Nabi Sulaiman a.s., padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran ini, tetapi puak-puak syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua Malaikat; Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang melainkan setelah mereka menasihatkannya dengan berkata: “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), sebab itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya).” (Al-Baqarah (2): 102).*

Menurut al-Baghawī,<sup>6</sup> perkataan ‘Harut’ dan ‘Marut’ adalah nama bagi orang Siryani. Di sebalik penurunan ayat ini, Ibn ‘Abbās mengulas bahawa para malaikat di langit merasa hairan dan janggal apabila melihat amalan mungkar umat Nabi Idris a.s. yang dinaikkan ke langit. Para malaikat berkata kepada Allah SWT: “Engkau telah memilih dan menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi, sedangkan mereka mendurhakai Engkau. Lalu Allah SWT berfirman: “Jikalau Aku kurniakan

<sup>6</sup> Al-Baghawī (1993), *Ma‘ālim al-Tanzīl*, jil. 1, cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 64.

nafsu syahwat dan menurunkan kamu ke bumi, nescaya kamu juga akan menjadi seperti mereka.”<sup>7</sup>

Para malaikat menjawab: Maha suci Engkau! Sememangnya tidak wajar bagi kami mendurhakai Engkau. Allah SWT berfirman: “Pilihlah dua orang yang terbaik di kalangan kamu. Aku akan turunkan mereka ke bumi dengan mengurniakan nafsu syahwat kepada mereka.” Lalu para malaikatpun memilih ‘Azail (Harut) dan ‘Azaya (Marut).<sup>8</sup> Kemudian Allah SWT turunkan mereka ke bumi dengan lima perintah. Pertama; mereka mesti berlaku adil, kedua; tidak boleh mensyirikkan Allah, ketiga; mereka dilarang membunuh tanpa hak, keempat; mereka dilarang berzina dan kelima; mereka dilarang meminum arak.

Qatadah mengatakan bahawa dalam masa yang singkat iaitu tidak sampai satu bulan mereka telah gagal menunaikan perintah tersebut. Kegagalan itu berpunca daripada seorang wanita. Mereka telah diuji dengan seorang wanita yang paling cantik pada ketika itu, Zahrah. Harut dan Marut telah jatuh cinta dengan Zahrah dan ingin memilikinya. Zahrah telah mengenakan beberapa syarat kepada mereka jikalau mereka berhasrat untuk memilikinya, iaitu mereka mestilah melakukan tiga perkara berikut:<sup>9</sup>

- i. Menyembah berhala.
- ii. Membunuh.
- iii. Meminum arak.

Pada mulanya, mereka tidak bersetuju untuk melakukan ketiga-tiga perbuatan tersebut kerana kesemuanya tersenarai dalam senarai larangan Allah SWT. Walau bagaimanapun, mereka tewas dengan keinginan yang kuat untuk memiliki Zahrah. Akhirnya mereka terjebak ke dalam kancah maksiat apabila Zahrah datang kepada mereka buat kali yang ketiga dengan tawaran agar mereka meminum arak.<sup>10</sup>

Mereka telah menerima tawaran tersebut. Rentetan daripada perbuatan mungkar tersebut, iaitu meminum arak, mereka telah berzina pula dengan Zahrah apabila mereka mabuk. Perbuatan mungkar ini telah disaksikan oleh seorang lelaki. Oleh itu, lelaki tersebut dibunuh bagi menutup rahsia mereka daripada terbongkar. Al-Rabi' Bin Anas mengatakan, mereka juga telah menyembah berhala.<sup>11</sup>

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Ibn Kathir (t.t), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, juz. 1, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 137.

<sup>9</sup> Al-Qurtubi (1935), *al-Jami' li Ahkām al-Qur'an*, cet. 2, juz. 2, Kaherah: Dār al-Kutub al-Misriyyah, h. 51.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> Al-Khāzin, *Lubāb al-Ta'wil fi Ma'āni al-Tanzil*, juz. 1, Misr: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubra, h. 75.

Kemudian Harut dan Marut mengajar amalan bacaan wirid nama-nama Allah *al-a'zam* yang membolehkan dia naik ke langit. Perbuatan tersebut menambahkan lagi kemurkaan Allah SWT. Lantas kedua-dua mereka meminta syafaat dari Nabi Idris a.s.<sup>12</sup> Akhirnya Allah SWT telah memberi dua pilihan kepada mereka; azab dunia ataupun akhirat. Mereka memilih azab dunia kerana ia akan berakhir. Oleh itu, mereka diturunkan ke Babil untuk diazab.<sup>13</sup> Ada pendapat yang mengatakan, Babil terletak di Iraq dan satu lagi pendapat mengatakan, ia terletak di Damarwan.<sup>14</sup>

Para *mufassir* telah berselisih pendapat tentang cara Harut dan Marut diazab. Terdapat empat pendapat yang masyhur:<sup>15</sup>

- i) Abdullah bin Mas'ud berpendapat, mereka digantung dengan rambut masing-masing sehingga hari kiamat.
- ii) 'Afa' bin Abi Rabah pula mengatakan bahawa kepala mereka direndahkan ke bawah sayap.
- iii) Qatadah menyebut, kaki mereka dibelenggu.
- iv) Mujahid menceritakan, mereka dihumban ke dalam telaga yang penuh dengan api.

Semasa pelaksanaan azab ini, Allah SWT telah menurunkan ilmu sihir kepada Harut dan Marut sebagai fitnah dan ujian ke atas umat manusia.<sup>16</sup> Di samping itu, ia juga bertujuan untuk membezakan di antara mukjizat dan sihir.<sup>17</sup> Walau bagaimanapun, kedua malaikat tersebut terlebih dahulu memberi peringatan tentang ujian dan fitnah tersebut kepada sesiapa jua yang ingin mempelajarinya. Sekiranya mereka belajar ilmu sihir dan beriktikad bahawa ia harus digunakan untuk tujuan selain daripada syariat Allah SWT, mereka akan menjadi kafir.<sup>18</sup>

Peristiwa ini berlaku pada zaman Nabi Idris a.s., Rasul kedua selepas Nabi Adam a.s. Pada zaman tersebut, ilmu sihir telah tersebar dengan meluas dalam masyarakat.

---

<sup>12</sup> Al-Syawkani (1964), *Fath al-Qadir*, cet. 2, juz 1, Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 123.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Ibn Kathir (1973), *op. cit.*, h. 143.

<sup>15</sup> Al-Baghawi, *op. cit.*, h. 65.

<sup>16</sup> Abu Bakr Mahmud Jumi (1972), *al-'Aqidah al-Sahihah bi Muwafaqah al-Syari'ah*, Beirut: Dar al-'Arabi, h. 26.

<sup>17</sup> Muhammad 'Ali al-Sabuni (1981), *Safwah al-Tafsir*, cet. 4, jil. 1, Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim, h. 84.

<sup>18</sup> Al-Alusi, *op. cit.*, h. 470.

Lalu Allah SWT menurunkan Harut dan Marut untuk mengajar manusia perbezaan di antara sihir dan mukjizat.<sup>19</sup>

Pentafsiran kisah Harut dan Marut ini termasuk dalam kisah-kisah *Isrā'īliyyāt* yang diambil dari kitab-kitab orang Yahudi. Walau bagaimanapun, Nabi s. 'a.w. menasihatkan umat Islam agar tidak mengiyakan *ahl al-kitāb* dan menafikan apa yang mereka sampaikan, sebagaimana sabda Nabi s. 'a.w.:

لَا تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابِ وَلَا تُكذِّبُوهُمْ وَقُولُوا: "آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا"

Maksudnya:

*"Janganlah kamu membenarkan ahli kitab ataupun menidakkan mereka, sebaliknya katakan kami beriman dengan Allah dan segala yang diturunkan kepada kami ..."*

Pendirian ini adalah untuk mengelakkan umat Islam dari turut terjerumus ke dalam pembohongan Bani Israil dan orang-orang Yahudi mengenai Kitab Allah SWT. Di samping itu, Allah SWT telah menegaskan di dalam surah al-Ma'idah, ayat 82 bahawa orang-orang Yahudi merupakan musuh ketat umat Islam. Oleh yang demikian, umat Islam perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap pembohongan mereka. Malah umat Islam turut diwajibkan menyelidik setiap perkhabaran yang diterima daripada orang-orang yang fasik sebelum mempercayainya, lantas mengambil tindakan berdasarkan perkhabaran tersebut.<sup>21</sup>

## SIHIR PADA ZAMAN NABI SULAIMAN A.S.

Al-Ṭabarī dalam menafsirkan ayat 102, surah al-Baqarah, menceritakan bahawa pada zaman Nabi Allah Sulaiman a.s, syaitan boleh naik ke langit. Mereka mengintai-intai dan mencuri dengar akan perintah Allah SWT kepada malaikat mengenai urusan dunia.

Berita-berita tentang ajal-maut, penurunan hujan, kelahiran dan sebagainya diketahui melalui perbualan para malaikat sesama mereka. Kemudian syaitan turun

<sup>19</sup> Muḥammad Zakī Sālih (1957), *al-Tarīb wa al-Bayān 'an Tafṣīl Āy al-Qur'ān*, cet. 1, juz 1, Kaherah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, h. 138.

<sup>20</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1976), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, cet. 2, juz. 1, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 169. Lihat juga Ibn Kathīr, (1981), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, cet. 4, juz. 1, Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, h. 37-38.

<sup>21</sup> Al-Hujurat: 6.

ke bumi untuk mengkhabarkanya kepada tukang tenung dan ahli nجوم dengan menokok-nambah apa yang didengari itu.<sup>22</sup> Lalu ahli-ahli sihir tersebut menulis semua berita yang diterima daripada syaitan dan kemudian menyampaikan kepada orang ramai peristiwa yang bakal berlaku. Tidak lama kemudian, hal yang diceritakan ini benar-benar berlaku. Dengan ini tersebarlah berita bahawa syaitan mengetahui perkara ghaib. Padahal syaitan tidak mengetahui langsung tentang perkara ghaib.<sup>23</sup> Firman Allah SWT telah menjelaskan hal tersebut:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

*"Katakanlah (wahai Muhammad)! Sesiapapun, baik di langit mahupun di bumi tidak ada yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah, bahkan mereka tidak mengetahui bila mereka akan dibangkitkan (kiamat)."* (Surah al-Naml (27): 65).

Rentetan daripada peristiwa ini, Allah SWT membangkitkan Nabi Sulaiman a.s. untuk menangani masalah tersebut. Baginda telah mengumpulkan kitab-kitab sihir itu dan meletakkannya ke dalam sebuah peti. Kemudian ia ditanam di bawah takhta Baginda. Syaitan dan kaum kerabatnya tidak boleh menghampiri peti tersebut. Kalau dihampiri juga, mereka akan terbakar.<sup>24</sup>

Selain daripada itu, al-Ṭabarī menceritakan, jika ada sesiapa yang mengatakan syaitan mengetahui perkara ghaib, dia akan dihukum bunuh oleh Nabi Sulaiman a.s. Namun setelah Nabi Sulaiman a.s. wafat, syaitan mendatangi Bani Israil dengan menyerupai seorang manusia dan menyebarkan fitnah bahawa Nabi Sulaiman a.s. bukan seorang rasul. Sebaliknya baginda hanyalah seorang ahli sihir. Buktinya ialah kitab-kitab sihir yang Nabi Sulaiman a.s. gunakan ada tersembunyi di bawah takhta Baginda.<sup>25</sup>

<sup>22</sup> Al-Ṭabarī (1968), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, cet. 3, juz. 1, Kaheerah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, h. 445.

<sup>23</sup> *Ibid.* Lihat juga Al-Nasaḥī, Abū al-Barakāt, Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Maḥmūd, *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl*, juz. 1, Misr: Dār al-Kutub al-'Arabīyah al-Kubra, juz. 1, h. 73.

<sup>24</sup> Al-Ṭabarī, *op. cit.*, h. 445

<sup>25</sup> Al-Khāzin, *op. cit.*, h. 73.

Susulan daripada itu, Bani Israil pergi beramai-ramai untuk menggali kitab-kitab sihir yang dikatakan tertanam di bawah takhta Nabi Sulaiman a.s. Apabila kitab-kitab tersebut dijumpai, sebahagian besar daripada mereka, terutamanya kalangan yang jahil dan bodoh mempercayai bahkan meyakini tuduhan tersebut. Manakala para ulama pula, mereka tetap tidak mempercayai kitab tersebut kepunyaan Nabi Sulaiman a.s., sebaliknya mereka percaya dan yakin bahawa itu semua adalah fitnah yang ditimbulkan oleh syaitan.

Menurut kupasan pengarang Kitab *Ma'alim al-Tanzil*, syaitan telah menulis ilmu sihir melalui Asif bin Barkhia. Kemudian dia menanam kitab tersebut di bawah takhta Nabi Sulaiman a.s. dan menyebarkannya di kalangan Bani Israil dengan dakwaan bahawa kitab tersebut kepunyaan Nabi Sulaiman a.s.<sup>26</sup> Oleh yang demikian, Allah SWT telah menurunkan ayat 102 di dalam surah al-Baqarah bagi menyangkal tuduhan tersebut, sekaligus *mengisbatkan* kesucian iman Nabi Sulaiman a.s. serta menegaskan tentang kekufuran dan kesesatan syaitan.<sup>27</sup>

## SIHIR PADA ZAMAN NABI MUSA

Masyarakat pada zaman Nabi Musa a.s. terkenal dengan kehandalan bermain sihir. Sejarah telah mencatatkan kisah Fir'aun yang menggunakan kehebatan sihir untuk melawan dakwah Nabi Musa a.s.. Allah SWT menceritakan di dalam al-Qur'an bagaimana Fir'aun mengumpulkan ahli-ahli sihir bagi membantunya melawan Nabi Musa a.s.:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ أَتَأْتُونِي بِكُلِّ سِحْرِ عَلِيمٍ ﴿٧٩﴾

Maksudnya:

"Dan Fir'aun berkata (kepada orang-orangnya): "Bawalah kepadaku ahli-ahli sihir yang handal." (Surah Yunus (10) :79).

Menurut Ibn 'Abbās, Fir'aun telah berjaya mengumpulkan seramai tujuh puluh dua orang ahli sihir. Kesemuanya mahir mengenai sihir tali dan boleh membuatkan tongkat menjelma sebagai ular.<sup>28</sup> Jadi, bersesuaian dengan kehebatan musuh, Allah

<sup>26</sup> Al-Baghawī, *op. cit.*, h. 63.

<sup>27</sup> Al-Khāzin, *op. cit.*, h. 73.

<sup>28</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1991), *Tafsīr al-Munīr*, cet. 1, juz. 16, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, h. 237.



SWT telah mengurniakan mukjizat kepada Nabi Musa a.s. iaitu boleh menukarkan tongkat menjadi ular. Allah SWT telah mengajar Nabi Musa a.s. perbezaan di antara mukjizat dan sihir. Firman Allah SWT:

قَالَ أَلْقَهَا يَمُوسَى ﴿٢٠﴾ فَأَلْقَنَهَا فَإِذَا هِيَ حَيَّةٌ تَسْعَى ﴿٢١﴾

Maksudnya:

Allah berfirman: "Campakkanlah tongkatmu itu wahai Musa! Lalu ia mencampakkannya, maka tiba-tiba tongkatnya itu bertukar menjadi seekor ular yang bergerak menjalar." (Surah Taha (20): 19-20)

Peristiwa ini merupakan satu latihan kepada Nabi Musa a.s. agar dia tidak terkejut dan takut apabila melihat mukjizat tersebut, terutama ketika berdepan dengan ahli sihir Fir'aun.<sup>29</sup> Apabila Nabi Musa a.s. berhadapan dengan Fir'aun, apakah yang telah berlaku? Allah SWT berfirman di dalam surah Taha ayat dan 67 yang berbunyi:

قَالَ بَلْ أَلْقُوا ﴿٢٢﴾ فَإِذَا حِبَاهُمْ وَعِصْيُهُمْ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَى ﴿٢٣﴾  
فَأَوْجَسَ فِي نَفْسِهِ خِيفَةً مُوسَى ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

Dia (Musa) menjawab: "Bahkan kamulah campak dahulu!" Tiba-tiba tali-tali mereka dan tongkat-tongkat mereka terbayang-bayang kepadanya seolah-olah benda berjalan, disebabkan sihir mereka. Kemudian hati Musa merasa takut.

Apa yang perlu diperhatikan menerusi ayat ini ialah ungkapan Allah SWT berbunyi ( يُخَيَّلُ إِلَيْهِ ). Nabi Musa a.s. telah dikhayalkan dengan bayangan ular dan beliau merasa takut. Firman Allah SWT lagi dalam surah Taha ayat 68 dan 69:

قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَى ﴿٢٥﴾ وَأَلْقِ مَا فِي يَمِينِكَ تَلْقَفَ مَا صَنَعُوا ﴿٢٦﴾  
إِنَّمَا صَنَعُوا كَيْدٌ سَاحِرٌ وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَى ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

Kami berfirman kepadanya: "Usahlah takut (Wahai Musa), sesungguhnya engkau lebih tinggi, campakkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia akan menelan segala (benda-benda sihir) yang mereka hasilkan,

<sup>29</sup> Al-Sya'rāwī, Muḥammad al-Mutawallī (1990), *al-Sihr wa al-Hasad*, Kaherah: Maktabah al-Sya'rāwī al-Islāmiyyah, h. 103.

*sesungguhnya apa yang mereka hasilkan itu hanyalah tipudaya ahli sihir; sedangkan ahli sihir itu tidak akan berjaya walau di mana saja dia berada.*

Oleh yang demikian, Nabi Musa a.s. telah berjaya mengalahkan semua ahli sihir tersebut. Akhirnya mereka sujud beriman dengan Allah SWT. Ini adalah natijah daripada keyakinan mereka terhadap mukjizat Nabi Musa a.s.

### SIHIR PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD S.A.W.

Sejarah merakamkan bahawa Rasulullah s. 'a.w. pernah disihir oleh seorang Yahudi di Madinah. Maklumat mengenai penyihiran ini didedahkan sendiri oleh Malaikat yang diutuskan oleh Allah SWT bagi merawat Rasulullah s. 'a.w. dari sihir tersebut.

Imām al-Bukhārī<sup>30</sup> telah meriwayatkan di dalam Kitab *Ṣaḥīḥ*nya dari Sayyidatina 'Aisyah r.a., katanya:

*Rasulullah s. 'a.w. telah disihir oleh seorang Yahudi dari Bani Zurayq iaitu Labid bin al-A'sam sehingga terbayang kepada Rasulullah s. 'a.w. khayalan bahawa baginda melakukan sesuatu yang tidak dilakukannya. Hal ini berterusan sehinggalah pada satu hari, baginda s. 'a.w. berada di sampingku (Aisyah) di dalam keadaan berdoa dan terus berdoa. Kemudian Baginda bersabda: "Wahai 'Aisyah, aku mengetahui bahawa Allah SWT telah memperkenankan permohonanku. Dua orang lelaki (Jibril dan Mikail) telah datang kepadaku. Jibril berada di kepalaku dan Mikail di kakiku. Mikail bertanya kepada Jibril: "Apakah penyakit lelaki ini?" Kata Jibril: "Dia telah disihir". "Siapakah yang menyihirnya?" Jawab Jibril: "Labid al-A'sam". Mikail menyambung pula: "Sihir itu dibuat menerusi apa?" Jibril menjelaskan: "Dibuat pada sikat rambut yang dililit rambut padanya, juga pada batang tamar jantan kering beserta seludangnya". Mikail bertanya lagi: "Di manakah terletaknya barang-barang tersebut?". Jibril berkata: "Di dalam telaga Arwan."*

Setelah mendengar perbualan itu, Rasulullah s. 'a.w. pun pergi bersama-sama beberapa orang sahabatnya ke telaga tersebut. Kemudian apabila Rasulullah s. 'a.w. pulang, baginda bersabda kepada 'Aisyah: "Wahai Aisyah! Airnya seakan rendaman

<sup>30</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, juz. 4, Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 20. Lihat juga, Muhammad Fu'ād Abd. al-Bāqī, *Sunan Ibn Mājah*, Beirut: Maktabah 'Islāmiyyah, h. 1173 dan al-Jawzī (1988), *Kitāb al-Hadā'iq fi 'Ilm al-Ḥadīth wa al-Zuhdiyyāt*, cet. 1, juz. 3, taḥqīq Mustafa al-Subkī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 426.

inai dan mayang tamar itu seakan-akan kepala syaitan.”<sup>31</sup> Maka aku (Aisyah) berkata: “Wahai Rasulullah! Mengapakah engkau tidak mengarahkan agar ia dikeluarkan? Rasulullah s.‘a.w. pun bersabda:

قَالَ لَا أَمَا أَنَا فَقَدْ عَافَانِي اللَّهُ وَكَرِهْتُ أَنْ أُثِيرَ عَلَى النَّاسِ مِنْهُ شَرًّا

Maksudnya:

*Rasul menjawab: Sesungguhnya Allah telah menyembuhkan aku, dan aku tidak suka jika tercetus daripadanya kejahatan kepada umatku.*

Kemudian telaga Arwan yang terdapat di dalamnya barang-barang sihir tersebut dikambus atas perintah Rasulullah s.‘a.w.. Peristiwa ini menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. harus terkena sihir, sebagaimana harusnya Rasulullah s.a.w. demam dan seumpamanya. Cuma kesan yang dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. tidak sepertimana yang dihadapi oleh umatnya. Ini adalah kerana sifatnya sebagai seorang nabi dan rasul yang terpelihara dari angkara kejahatan jin dan manusia.

## KESIMPULAN

Kewujudan amalan-amalan sihir, sebagaimana dipaparkan oleh al-Qur’an dan al-Hadith membuktikan kepada umat Islam kewujudan amalan sihir dalam masyarakat. Tambahan pula, al-Qur’an dan al-hadith adalah sumber rujukan utama umat Islam dalam apa jua bidang ilmu. Namun apabila diteliti kitab-kitab tafsir, kita dapati para mufassir banyak terpengaruh dengan kisah-kisah Israiliyyat dan mencedoknya untuk melengkapkan pentafsiran mereka. Menyentuh riwayat Israiliyyat ini, banyak kritikan dan perbincangan mengenainya telah dilakukan oleh para penyelidik dan ilmuwan Islam. Malah ada yang mengkritik al-Ṭabārī kerana sebagai ulama terkenal, beliau juga turut memasukkan kisah-kisah israiliyyat di dalam kitabnya. Terdapat di kalangan ahli tafsir yang merujuk sumber-sumber yang tidak berautoriti, misalnya sumber Ahl al-Kitab, orang Yahudi dan sebagainya bagi mendapat maklumat mengenai sesuatu perkara. Ia berlaku kerana beberapa faktor yang boleh dibincangkan di dalam topik yang berasingan. Antara faktor yang dimaksudkan adalah para mufassir mempunyai maklumat dan sumber yang terhad mengenai sesuatu topik yang dibincangkan. Jadi, untuk menghuraikan persoalan-persoalan yang timbul, mereka mengumpulkan sebanyak mungkin sumber dan membentangkannya untuk penilaian pembaca.

<sup>31</sup> Ahmad ‘Abd. al-Rahmān al-Banna, *Bulūgh al-Amānī*, juz. 16, Kaherah: Dār al-Syabah, h. 135. Lihat juga, Umar Sulaymān al-Asyqar (1985), *‘Ālam al-Jinn wa al-Syayātīn*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Salafiyyah, h. 76.

Masalahnya tidak semua pembaca mampu menilai fakta-fakta yang dibentangkan mereka. Jadi, di sinilah tanggungjawab para ilmuwan dan pengkaji untuk mendedahkan kepada umum agar masyarakat tidak mempercayai perkara-perkara karut. Berdasarkan paparan kisah-kisah sihir di dalam al-Quran dan al-Hadith, nyata sekali peranan syaitan dan iblis dalam amalan penyihiran. Ilmu sihir juga berbeza dengan mukjizat. Sihir boleh dipelajari, manakala mukjizat merupakan anugerah Allah SWT yang dikurniakan kepada para Nabi yang terpilih sahaja. Kepercayaan terhadap kuasa bomoh, pawang dan syaitan, juga keyakinan bahawa mereka mengetahui perkara-perkara ghaib atau peristiwa yang bakal berlaku adalah karut semata-mata. Kedangkalan ilmu menyebabkan manusia mudah percaya perkara-perkara yang mustahil. Syaitan dan iblis tidak berkuasa untuk memudaratkan manusia tanpa izin Allah SWT dan makhluk perosak tersebut juga tidak mengetahui perkara-perkara ghaib.